

Kerajaan teliti semula projek langgar peraturan

UM- 7/12/2022 w/d: 4

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kerajaan perpaduan pimpinannya akan menumpukan usaha dalam memberi iklim lebih segar dan positif untuk menggalakkan pelaburan, memulihkan keyakinan dan memacu pertumbuhan ekonomi.

Sebaik sahaja memulakan tugas pertama menerajui Kementerian Kewangan, Anwar berkata, beliau akan meneliti semula mana-mana kelulusan peruntukan yang diberikan bagi memastikan ia mematuhi prinsip ketelusan dan peraturan yang ditetapkan.

Pada masa sama, beliau memberi jaminan beberapa kelulusan lama yang dilihat baik akan diteruskan tetapi menggunakan pendekatan baharu dengan memberi fokus kepada soal kemiskinan, kesenjangan dan langkah-langkah utama pembangunan ekonomi.

Menurutnya, antara tindakan segera ialah meneliti semula beberapa kelulusan terakhir yang dilaksanakan ketika kerajaan terdahulu termasuk kelulusan peruntukan tebatan banjir berjumlah sekitar RM15 bilion.

‘Tegas beliau, sebahagian RM7 bilion yang diluluskan itu dikesan dibuat tanpa proses tender secara teratur dan ia dilaksanakan secara rundingan terus.

Justeru, beliau mengarahkan peruntukan berkenaan dihentikan serta-merta dan tidak diteruskan serta diteliti semula supaya ada prinsip ketelusan dan mematuhi peraturan ditetapkan.

‘Jumlah ini bukan kecil atas alasan umpamanya membantu



ANWAR Ibrahim bersalaman dengan warga Kementerian Kewangan ketika hadir bagi memulakan tugas secara rasmi sebagai Menteri Kewangan di Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

menyegerakan untuk langkah tebatan banjir tetapi ada masalah apabila peraturan tidak dipatuhi dan ada upaya umpamanya untuk mencari kesempatan, dan ini amat saya kesalkan.

‘Terima kasih pegawai kanan kementerian bersama saya, mereka tak selari juga (dengan kelulusan terdahulu) tetapi ketika itu (hanya) mengikut arahan,’ katanya dalam sidang akhbar di sini semalam selepas mempengerusikan mesyuarat bersama pegawai kanan Kementerian Kewangan dan agensi-agensi di bawahnya.

Pada pembentangan Bajet 2023, kerajaan memperuntukkan RM15 bilion bagi Rancangan Tebatan Banjir (RTB) hingga 2030 sebagai strategi jangka

panjang menghadapi perubahan iklim di seluruh negara.

Menteri Kewangan ketika itu, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz berkata, sebahagian besar projek pada tahun depan akan dianugerahkan dengan anggaran perbelanjaan RM700 juta di bawah RTB.

Antara projek utama digerakkan adalah pelaksanaan projek Empangan Sabo bernilai RM562 juta di 46 lokasi seluruh negara bagi mengurangkan risiko banjir puing dan banjir lumpur seperti tragedi banjir di Baling, Kedah.

Selain itu, pembinaan kolam takungan dwifungsi bernilai hampir RM2 bilion memabitkan jajaran di sepanjang Sungai Klang dan Sungai Ra-

sau, Selangor sebagai strategi serampang dua mata mengatasi masalah banjir dan sebagai sumber penyimpanan bekalan air mentah.

Dalam pada itu, bekas Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Ibrahim Tuan Man berkata, sebagai Menteri Kewangan, Anwar sepatutnya mengetahui rundingan terus kepada projek tebatan banjir yang perlu disegerakan, bukanlah satu kesalahan perolehan.

Selain Kementerian itu, Tuan Ibrahim yang juga Timbalan Presiden Pas berkata, semua proses kawal selia prosedur kewangan mestilah diteliti secara ketat mengikut tata cara, prosedur dan garis panduan yang ditetapkan Kementerian Kewangan.